



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN IBADAH DAN AKIDAH WARGA KERJA
POLIS DIRAJA MALAYSIA DI PUSAT LATIHAN POLIS KUALA LUMPUR**

**[LEVEL OF UNDERSTANDING AND IMPLEMENTATION OF WORSHIP AND FAITH
ROYAL MALAYSIAN POLICE AT THE KUALA LUMPUR POLICE TRAINING CENTER]**

MUHAMMAD ARIFF MOHD RAJOLI ¹
MOHD HAIDHAR KAMARZAMAN ^{1*}

¹ Pusat Kajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Bangi Selangor, Malaysia
E-mail: haidhar@ukm.edu.my

*Corresponding Author: haidhar@ukm.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 2 December 2022

Abstrak

Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan badan keselamatan terulung yang bertanggungjawab memastikan keselamatan masyarakat dan kedaulatan negara Malaysia terus terpelihara. Kalimah “Allah” dan “Muhammad” pada logo PDRM merupakan bukti bahawa PDRM sentiasa menjunjung tinggi kesucian Islam dan keagungan Allah SWT dengan mengikuti petunjuk yang disampaikan oleh baginda nabi Muhammad SAW. Namun begitu, PDRM sering berhadapan dengan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat awam terhadap ketelusan PDRM sehingga menjadi punca penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM pada tanggal 25 Julai 2014. Sehubungan itu, pemerksaan kualiti integriti dalam kalangan warga kerja PDRM perlu dipertingkatkan melalui kefahaman ilmu asas Fardu ain dalam diri setiap individu muslim. Oleh itu, Makalah ini bertujuan untuk menilai Tahap Pelaksanaan dan Kefahaman ilmu Fardu ain dalam kalangan warga kerja PDRM di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. Dapatan kajian diperolehi hasil soal selidik para responden seramai 250 orang yang terdiri daripada Pegawai Kanan, Pegawai Rendah, dan Pegawai Awam polis yang berkhidmat di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. Hasil kajian mendapati tahap pelaksanaan dan kefahaman ilmu Fardu ain warga kerja PDRM di PULAPOL KL sangat tinggi.

Kata kunci: Integriti, Kualiti kefahaman, Latihan Kepolisan, Agama Dan Kaunseling.

Abstract

The Royal Malaysian Police Force (PDRM) is the premier security agency responsible for ensuring the safety of the public and the sovereignty of Malaysia. The words "Allah" and "Muhammad" on the PDRM logo are proof that the PDRM always upholds the purity of Islam and the majesty of Allah SWT by following the instructions given by the prophet Muhammad SAW. Nevertheless, the PDRM is often faced with a negative perception among the public towards the transparency of the PDRM, which is the reason for the establishment of the PDRM

Integrity and Standard Compliance Department (JIPS) on July 25, 2014. Accordingly, the empowerment of the quality of integrity among PDRM employees needs to be improved through understanding the basic knowledge of Fardu Ain in every individual Muslim. Therefore, this paper aims to evaluate the level of implementation and understanding of Fardu ain knowledge among PDRM workers at the Kuala Lumpur Police Training Center. The findings of the study were obtained from a questionnaire of 250 respondents consisting of Senior Officers, Junior Officers, and Civilian Police Officers who serve at the Kuala Lumpur Police Training Center. The results of the study found that the level of implementation and understanding of Fardu ain knowledge among PDRM workers in PULAPOL KL is very high.

Keywords: *Integrity, Quality of understanding, Police Training, Religion And Counselling.*

Cite as: Muhammad Ariff Mohd Rajoli & Mohd Haidhar Kamarzaman. 2022. Tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadah dan akidah warga kerja Polis Diraja Malaysia di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur [Level of Understanding And Implementation of Worship And Faith Royal Malaysian Police at The Kuala Lumpur Police Training Center]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 232-244.

PENGENALAN

Berdasarkan Akta Polis Seksyen (3) 1967, fungsi dan tanggungjawab PDRM adalah memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan akhir sekali mengumpulkan risikan keselamatan (Akta Polis 1967).

PDRM berada di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang memperuntukkan badan keselamatan terulung yang terdiri daripada sembilan jabatan iaitu; Jabatan Pengurusan, Cawangan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Logistik dan Teknologi, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, dan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (Polis Diraja Malaysia 2016).

Bagi memikul beban tanggungjawab yang begitu mencabar ini, setiap individu yang berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia PDRM perlu sentiasa berusaha menjaga nama baik pasukan dengan meningkatkan kualiti nilai integriti. Usia penubuhan Pasukan Polis di negara Malaysia telah melebihi dua puluh dekad. Angka ini membuktikan Pasukan Polis Diraja Malaysia perlu kekal relevan sebagai sebuah organisasi keselamatan terulung di negara ini, sekali gus kualiti perkhidmatannya perlu diletakkan sebagai pasukan keselamatan sebaris dengan negara-negara maju seantero dunia.

PROGRAM LATIHAN ASAS KEPOLISAN

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan PDRM sentiasa kekal dalam prestasi yang terbaik, setiap warga kerja yang telah dilantik sebagai anggota pasukan diwajibkan menjalani Latihan Asas Kepolisan di Pusat Latihan Polis yang terpilih diseluruh negara.

Dalam pada itu, latihan yang dijalani meliputi aspek fizikal, spiritual dan mental. Antara modul latihan yang diberikan kepada para kadet pelatih adalah silibus pembelajaran berkaitan modul integriti, dan Pendidikan asas-asas Islam berkaitan ilmu Fardu ain (JIPS t.th).

Silibus pembelajaran dan latihan modul integriti meliputi perbahasan berkaitan Integriti dalam PDRM, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Pematuhan kepada peraturan dan undang-undang serta peranan penyelia dalam organisasi PDRM, Kesedaran dan pencegahan rasuah serta salah guna kuasa (JIPS t.th).

Selain daripada itu, para kadet pelatih muslim yang menjalani latihan asas kepolisan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) akan mengikuti silibus pembelajaran Pendidikan Islam asas Fardu ain seperti kefahaman berkaitan Rukun Iman, Rukun Islam, bersuci, Ibadah Solat, Kefahaman al-Quran, Sirah kehidupan Nabi Muhammad SAW, Pengurusan Keluarga Islam, Pengurusan Jenazah, Akhlak dan Penyucian Jiwa (JIPS t.th). Setiap sesi pembelajaran tertakluk kepada masa yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan PDRM dengan menepati sukatan pembelajaran yang telah disusun oleh para tenaga pengajar dalam kalangan Pegawai Agama dan Kaunseling di Unit Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA).

PERNYATAAN MASALAH

Menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Biro Pengaduan Awam (2014) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (2014) telah menunjukkan PDRM memperoleh bilangan aduan yang tinggi daripada masyarakat berkenaan kemerosotan sistem penyampaian perkhidmatan iaitu melibatkan tahap integriti dalam organisasi PDRM.

Berdasarkan kajian tersebut faktor yang mempengaruhi budaya organisasi dalam PDRM adalah budaya organisasi dan integriti individu. pembentukan organisasi yang baik serta kualiti individu yang cemerlang perlu didasari dengan sistem latihan kepolisan yang berkualiti bermula di Pusat Latihan Polis. latihan yang dijalani perlu merangkumi aspek fizikal dan spiritual disusuli dengan kefahaman dan penghayatan ilmu asas Fardu ain.

Faktor budaya organisasi dilihat lebih relevan dalam menjelaskan permasalahan integriti dalam kalangan anggota PDRM kerana mempunyai pengaruh yang besar terhadap perubahan sikap dan perilaku (Arifin & Ahmad 2017). Dengan pembentukan asas disiplin kepolisan yang tinggi disulami dengan iman dan Islam mampu membentuk peribadi yang mampu menegakkan '*amar makruf*' dan '*nahi mungkar*' meskipun berada dalam persekitaran negatif, ini kerana individu yang mempunyai tahap kefahaman dan penghayatan Islam yang mantap mampu memberi pengaruh yang besar kepada perubahan sesebuah organisasi.

Namun begitu, menurut Zamri Yahya (2019), dominasi kelompok yang cenderung untuk melakukan salah laku dan melanggar etika kepolisan mampu untuk mewujudkan tekanan kepada anggota-anggota yang lain agar menyertai mereka. Menurut beliau lagi, individu yang enggan turut serta dalam norma tidak rasmi yang dominan tersebut akan menghadapi kemungkinan untuk disisihkan oleh kalangan rakan sekerja mereka yang mengamalkan norma tersebut. Oleh itu berdasarkan hasil kajian yang telah dinyatakan tersebut jelas membuktikan bahawa pemerkasaan tahap kefahaman terhadap ilmu Fardu ain perlu dipandang serius terhadap setiap warga kerja PDRM dari peringkat bawahan sehingga ke peringkat atasan.

TAHAP KEFAHAMAN DAN PELAKSANAAN FARDU AIN

Bahagian ini akan mengenal pasti tahap kefahaman terhadap amalan Fardu Ain berkaitan Akidah dan Ibadah dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL. Kajian ini memberi tumpuan kepada warga kerja PULAPOL KL dan seramai 254 orang telah terlibat di dalam kajian ini yang terdiri daripada Pegawai Kanan, Pegawai Rendah, Pegawai Awam, serta Kadet pelatih yang sedang menjalani Latihan Asas Kepolisian.

Asas penilaian terhadap kefahaman secara asas ini diambil dari kitab *Mukhtasar al-Akidah al-Islamiyah* (Jamil Zainu 2005). Kitab ini sekadar membahaskan perkara yang berkaitan dengan rukun Islam, rukun Iman dan Ihsan secara asas, yang pada hemat pengkaji telah memadai bagi setiap individu Muslim yang bukan dalam bidang pengkhususan agama agar dapat memahami ilmu asas-asas Fardu ain dengan jelas.

Tahap Kefahaman definisi Islam, Iman, dan Ihsan.

Pada asasnya perkataan Islam merupakan kata terbitan dalam bahasa Arab iaitu **أَسْلَمَ** yang memberi maksud tunduk, patuh, berserah (Ibn Manzur t.th). Oleh itu seseorang yang beragama Islam digelar **مُسْلِمٌ** (Muslim) iaitu seseorang yang berserah diri dengan tunduk patuh segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya.

Perkara yang wajib diketahui dan difahami oleh setiap individu muslim adalah melaksanakan rukun-rukun Islam yang difardukan ke atasnya sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum syara' (Al-Jurdani 1997). Firman Allah SWT di dalam al-Quran, an-Nisa 4: 125;

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dengan ikhlas sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan dan dia pula mengikut agama nabi Ibrahim (Yang lurus yang tetap di atas dasar tauhid) dan kerana itulah Allah menjadikan nabi Ibrahim kesayangannya.

Ketika mensyarahkan ayat tersebut Abdullah Al-Syathri (2016) dalam kitabnya menyatakan:

ولا احد احسن دينا ممن استسلم لله ظاهرا وباطنا واخلص نيته له واحسن في عمله باتباع ما شرع واتبع دين ابراهيم الذي هو اصل الدين محمد صلى الله عليه وسلم مائلا عن الشرك والكفر الى التوحيد والايمان واصطفى الله نبيه ابراهيم عليه السلام بالمحبه التامه من بين سائر خلقه.

Maksudnya: Tidak ada seorang pun yang lebih baik agamanya daripada seseorang yang benar-benar berserah diri semata-mata kepada Allah secara zahir dan batin disertai dengan niat yang ikhlas dan melakukan amal yang terbaik dengan mengikuti segala yang ditetapkan oleh syarak serta mengikuti agama nabi Ibrahim yang demikian itulah asal agama Nabi Muhammad SAW, dengan berpaling daripada syirik dan kekufuran kepada tauhid dan iman. Allah

SWT telah memilih nabinya iaitu Ibrahim as sebagai hamba yang dicintainya melebihi sekalian makhluk-makhluknya.

Jadual di bawah menunjukkan tahap kefahaman berkaitan definisi Islam dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL. Kajian yang dilakukan untuk menilai kefahaman berkenaan makna Islam, Iman, dan Ihsan yang merupakan perkara asas yang perlu diketahui oleh setiap *mukallaf*.

Jadual 1.1 Makna Islam

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
A1	Islam bermaksud sejahtera, selamat, serta berserah diri hanya kepada Allah SWT.	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (0.4)	71 (28.0)	182 (71.7)	4.71	.462

Berdasarkan jadual di atas, seramai 182 (71.7%) orang sangat bersetuju, dan 71 (28.0%) orang setuju memahami bahawa makna Islam adalah sejahtera dan selamat serta berserah diri hanya kepada Allah SWT. Manakala hanya 1 (0.4%) orang yang memberi jawapan kurang pasti tentang makna Islam.

Jadual 1.2 Makna Iman

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
A2	Iman bermaksud membenarkan dengan penuh yakin di dalam hati, melafazkan dengan lidah, serta beramal dengan perbuatan.	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (0.8)	62 (24.4)	190 (74.8)	4.74	.457

Merujuk kepada hasil kajian yang dilakukan, jumlah mereka yang mengakui serta memahami makna Iman adalah sangat tinggi iaitu seramai 190 (74.8%) orang yang sangat setuju, dan 62 (24.4%) orang yang setuju terhadap kenyataan yang diberikan. Namun begitu terdapat 2 (0.8%) orang yang memberikan jawapan kurang pasti terhadap makna Iman.

Jadual 1.3 Makna Ihsan

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
A3	Ihsan bermaksud kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, jika tidak mampu melihatnya, kamu yakin dia sentiasa melihat kamu	2 (0.8)	2 (0.8)	10 (3.9)	71 (28.0)	169 (66.5)	4.59	.682

Berdasarkan jadual berkaitan Ihsan tersebut, kajian menunjukkan seramai 169 (66.5%) orang sangat setuju, dan 71 (28.0%) orang bersetuju dengan kenyataan berkaitan kefahaman

makna Ihsan. Namun begitu, terdapat 10 (3.9%) orang yang memberikan jawapan kurang pasti terhadap makna Ihsan, manakala 4 (0.8%) orang yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan makna Ihsan tersebut.

Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan Solat Fardu

Mendirikan solat Fardu lima waktu sehari semalam merupakan suatu kewajipan atas setiap individu muslim yang *mukallaf*. Para ulama' Islam telah sepakat bahawa mereka yang meninggalkan solat Fardu dengan sengaja dan dalam masa yang sama beriktikad mengingkari kewajipan solat tersebut maka dia telah kafir dan terkeluar daripada agama Islam (Al-Bugha et al. 2013).

Bahagian ini adalah untuk menilai sejauh mana tahap pelaksanaan Ibadah Solat, kefahaman terhadap makna solat, dan kefahaman terhadap makna bacaan dalam solat. Hasil tinjauan adalah seperti berikut:

Jadual 1.4 Tahap Pelaksanaan Solat Fardu

No	Pernyataan	Ya	Tidak
B1	Adakah anda mendirikan solat Fardu 5 waktu?	210 (82.7)	44 (17.3)

Jadual 1.5 Tahap Kefahaman Makna Solat

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
B2	Solat dari segi istilah bermaksud perkataan dan perbuatan yang bermula dengan takbiratul ihram, dan disudahi dengan salam menurut syarat tertentu.	1 (0.4)	3 (1.2)	2 (0.8)	52 (20.5)	196 (77.2)	4.73	.577

Hasil dapatan kajian berkaitan pelaksanaan ibadah solat dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL, sejumlah 210 (82.7%) orang responden melaksanakan solat Fardu lima waktu sehari semalam dengan sempurna berdasarkan waktu yang ditetapkan.

Manakala sejumlah 44 (17.3%) orang responden tidak melaksanakan ibadah solat dengan sempurna mengikut waktu yang ditetapkan. Dari sudut kefahaman pula seramai 196 (77.2%) orang sangat setuju dengan memahami makna solat dari sudut istilah iaitu perkataan dan perbuatan yang bermula dengan *Takbiratul ihram* dan disudahi dengan *Salam* menurut rukun dan syarat-syarat tertentu. Manakala sejumlah 52 (20.5%) orang setuju memahami makna solat dari sudut istilah.

Dalam pada itu, berkaitan kefahaman terhadap ibadah solat pula seramai 2 (0.8%) orang yang tidak pasti makna solat dari sudut istilah, 3 (1.2%) orang yang tidak setuju, dan 1 (0.4%) orang sangat tidak setuju. Perkara ini menunjukkan jumlah mereka yang mendirikan solat di PULAPOL K.L disertai dengan kefahaman terhadap erti perkataan solat tersebut adalah sangat tinggi.

Seterusnya, tinjauan dilakukan untuk menilai tahap kefahaman bacaan yang dilafazkan semasa mendirikan solat, adakah para responden benar-benar memahami makna bacaan-bacaan, zikir-zikir di dalam solat atau sebaliknya.

Jadual 1.6 Tahap Kefahaman Bacaan Ketika Solat

No	Pernyataan	Ya	Tidak
B3	Adakah anda memahami makna bacaan dalam solat?	141 (55.5)	113 (44.5)

Hasil kajian mendapati ramai dalam kalangan mereka yang mendirikan solat Fardu lima waktu dengan baik namun masih belum mampu memahami makna bacaan dalam solat. Jumlah mereka yang memahami makna bacaan dalam solat seramai 141 (55.5%) orang, manakala mereka yang tidak memahami makna bacaan dalam solat seramai 113 (44.5%) orang.

Hal ini menunjukkan mereka yang mendirikan solat tetapi masih tidak mampu memahami maksud setiap perkataan yang dilafazkan di dalam solat yang didirikan. Oleh itu, berdasarkan dapatan ini perlu ada usaha dijalankan untuk menerapkan kesedaran mempelajari ilmu bahasa Arab sekurang-kurangnya setiap individu muslim yang *mukallaf* mampu memahami setiap makna bacaan dalam solat yang didirikan supaya solat itu didirikan bersandarkan kepada ilmu dan kefahaman.

Tahap Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadah Zakat

Zakat dari segi syarak bermakna mengeluarkan sebahagian harta atau hak milik kepada mereka yang layak menerimanya dengan kadar tertentu setelah mencukupi nisabnya dan sampai masanya satu tahun atau setelah sempurna tuaian hasil yang diperolehi bagi tanaman (Al-Bugha et al. 2013). Zakat terbahagi kepada dua iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta.

Syarat wajib zakat fitrah ada tiga iaitu, Islam, terbenam matahari pada hari terakhir bulan Ramadhan, dan memiliki harta yang melebihi keperluan untuk makan bagi diri dan tanggungannya pada siang dan malam raya serta keperluan tempat tinggal jika perlu. Seseorang tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah jika hartanya tidak mencukupi untuk perbelanjaan pada malam dan siang hari raya bagi diri dan tanggungannya (al-Bakri 2013).

Jadual 1.7 Kefahaman Berkaitan Ibadah Zakat

No	Pernyataan	Ya	Tidak
C1	Adakah anda membayar zakat pendapatan setelah mencukupi syaratnya?	145 (57.1)	109 (42.9)
C2	Adakah anda membayar zakat fitrah pada masa yang ditetapkan?	242 (95.3)	12 (4.7)
C3	Zakat adalah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat tertentu.	0 (0.0)	1 (0.4)

Kajian berkenaan pelaksanaan ibadah zakat pula menunjukkan seramai 145 (57.1%) orang responden membayar zakat pendapatan tahunan, namun jumlah lebih tinggi dicatatkan iaitu seramai 242 (95.3%) orang membayar zakat Fitrah. Manakala seramai 109 (42.9%) orang responden menyatakan bahawa mereka tidak membayar zakat pendapatan dan seramai 12 (4.7%) orang tidak membayar zakat Fitrah pada masa yang ditetapkan.

Hasil dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan ada dalam kalangan mereka yang hanya membayar zakat Fitrah namun tidak membayar zakat harta seperti zakat pengajian atau lebih dikenali dengan zakat pendapatan.

Berdasarkan tahap kefahaman pula seramai 192 (75.6%), dan 58 (22.8%) orang yang sangat setuju serta setuju berkenaan makna zakat dari segi syarak iaitu kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat tertentu. Ini menunjukkan kefahaman para responden terhadap makna zakat amat jelas sekali gus menyedarkan mereka akan kewajipan zakat yang perlu ditunaikan sebagai tanggungjawab seorang muslim yang *mukallaf*.

Tahap Kefahaman Dan Pelaksanaan Ibadah Puasa

Puasa dari segi bahasa adalah menahan diri daripada melakukan sesuatu al-Bakri 2013. Puasa dari segi syarak pula bermaksud menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari dimulakan dengan niat berpuasa kerana mengharapkan keredaan Allah SWT (Al-Bugha et al. 2013).

Hukum bagi mereka-mereka yang meninggalkan puasa pada bulan Ramadhan tanpa keuzuran serta mengingkari kewajipannya akan menyebabkan seseorang itu menjadi kafir dan disuruh bertaubat sebagaimana orang murtad. Sekiranya ingkar dan enggan bertaubat dia hendaklah dijatuhi hukuman bunuh sekiranya dia telah lama memeluk agama Islam dan tidak tinggal berjauhan daripada ulama (al-Bakri 2013).

Manakala sesiapa yang tidak berpuasa tanpa mengingkari kewajipannya dia menjadi fasiq pemerintah wajib memenjarakannya dan menghalang daripada makan dan minum pada waktu siang supaya dia berpuasa sekalipun secara zahirnya sahaja (al-Bakri 2013). Syarat wajib puasa adalah Islam, *mukallaf* dan tiada sebarang keuzuran.

Jadual 1.8 Pelaksanaan Ibadah Puasa.

No	Pernyataan	Ya	Tidak
B4	Adakah anda berpuasa di bulan Ramadhan?	250 (98.4)	4 (1.6)

Jadual 1.9 Tahap Kefahaman Ibadah Puasa

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
C8	Puasa bermaksud menahan diri daripada sebarang perkara yang boleh membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari.	0 (0.0)	2 (0.8)	0 (0.0)	51 (20.1)	201 (79.1)	4.78	.471

Hasil tinjauan berkaitan tahap pelaksanaan ibadah puasa di bulan Ramadhan dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL mendapati seramai 250 (98.4%) orang responden melakukan ibadah puasa, manakala seramai 4 (1.6%) responden yang beragama Islam tidak berpuasa di bulan Ramadhan.

Manakala dari sudut kefahaman pula mendapati majoriti responden memahami makna puasa dari sudut syarak iaitu menahan diri daripada melakukan sebarang perkara yang boleh membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kesedaran para responden terhadap kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan berapa pada tahap yang tinggi.

Tahap Pelaksanaan Dan Kefahaman Ibadah Haji.

Kajian pelaksanaan terhadap ibadah Haji memfokuskan kepada peratusan mereka yang mendaftarkan diri untuk menunaikan ibadah Haji. Ini kerana sistem pelaksanaan haji di Malaysia berdasarkan kepada kuota dan giliran jemaah haji yang telah membuat pendaftaran mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Oleh itu mana-mana individu yang hendak menunaikan haji perlu melalui prosedur yang ditetapkan oleh lembaga tabung haji Malaysia iaitu dengan membuat pendaftaran awal seperti yang telah ditetapkan.

Jadual 1.10 Pendaftaran Ibadah Haji

No	Pernyataan	Ya	Tidak
E1	Adakah anda telah mendaftar Haji?	122 (48.0)	132 (52.0)

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
E2	Haji bermaksud mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah tertentu dengan syarat-syarat yang khusus.	1 (0.4)	3 (1.2)	6 (2.4)	71 (28.0)	173 (68.1)	4.62	.634

Jadual 1.11 Kefahaman Syarat Ibadah Haji

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
E1	Islam, berakal, baligh, merdeka, aman dalam perjalanan, serta berkemampuan merupakan syarat wajib haji bagi seseorang Muslim.	3 (1.2)	1 (0.4)	4 (1.6)	61 (24.0)	185 (72.8)	4.67	.648

Hasil kajian menunjukkan seramai 122 (48.0%) orang responden yang mempunyai kefahaman dan kesedaran telah mendaftarkan diri untuk menunaikan ibadah haji, manakala seramai 132 (52.0%) orang yang masih belum membuat pendaftaran ibadah haji.

Namun begitu, apabila melihat kepada kefahaman terhadap makna ibadah haji tersebut mendapati seramai 173 (68.1%) orang yang sangat setuju, dan 71 (28.0%) orang yang setuju

memahami makna haji bermaksud mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah tertentu dengan syarat-syarat yang khusus.

Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kesedaran memahami makna haji namun kesedaran untuk melaksanakan ibadah haji tersebut masih berada pada tahap yang kurang memuaskan ini kerana jumlah mereka yang tidak mendaftar haji seramai 132 (52%) orang melebihi mereka yang telah membuat pendaftaran.

Kesedaran untuk melaksanakan ibadah haji perlu dimulai dengan usaha membuat pendaftaran awal, seterusnya membuat tabungan dari sudut kewangan kerana ia melibatkan perbelanjaan dan pengorbanan dari setiap individu muslim. Atas dasar itu, ibadah haji termasuk dalam kategori ibadah *maliyah* (harta) dan *badaniah* (badan) serta *qalbiyyah* (hati). Semua perkara ini perlu diusahakan oleh setiap individu muslim yang *mukallaf* tanpa terkecuali.

KEFAHAMAN TERHADAP AKIDAH

Beriman kepada Allah SWT merupakan suatu perkara yang wajib diketahui oleh sekalian *mukallaf* tanpa terkecuali. Ia merupakan syarat paling utama untuk menentukan kebenaran keislaman dan keimanan seseorang. Oleh itu, bagi memahami makna iman ini, perlu dilihat kepada petunjuk yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadith nabi Muhammad SAW serta menurut tafsiran pala ulama' yang *mu'tabar*.

Jika dilihat dan diteliti apakah maksud beriman kepada Allah SWT secara asasnya, Iman pada bahasa adalah bermaksud *taṣḍīq* iaitu membenarkan. Makna *taṣḍīq* pula adalah patuh kepada satu-satu ketetapan, menerima dan mengiktirafnya. Asal kalimah iman (الإيمان) itu diambil dari kalimah الأمن iaitu keamanan, lawan kepada ketakutan. الإيمان itu adalah *maṣḍar* yang *fi'l māḍīnya* adalah آمن (Ibn Manẓur t.th).

Adapun iman mengikut *ʿuruf* Ahli Syarak adalah sesuatu yang menghalang penganutnya dari masuk ke dalam neraka dan menyebabkannya masuk ke dalam syurga selamanya, sekalipun sebahagian penganutnya adalah orang yang dimasukkan ke neraka dalam satu tempoh tertentu (al-Qudah 1999: 33).

Manakala jumhur ulama Ahli Sunnah Waljamaah meletakkan takrif bahawa iman adalah *taṣḍīq* dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan anggota badan (al-Qudāh 1999: 38). Apa yang dimaksudkan oleh jumhur tentang takrif ini ialah untuk menunjukkan kepada kesempurnaan iman. Manakala, tahap iman yang wajib ada pada setiap individu adalah *taṣḍīq* dan ikrar. Adapun amal yang dimaksudkan dalam takrif jumhur ulama ini adalah untuk kesempurnaan iman.

Manakala berdasarkan makna yang dinyatakan oleh al-Qudah (1999), berkenaan maksud beriman kepada Allah SWT, adalah Mengetahui sifat Allah SWT serta mengetahui bahawasanya dia wujud serta dialah yang menciptakan seluruh alam semesta ini dan segala isinya, jika tanpanya nescaya segala sesuatu tidak akan wujud, serta mengetahui dia yang maha esa tiada sekutu baginya dan sesungguhnya dia bersifat dengan segala sifat kesempurnaan yang layak dengan keagungannya serta dia suci dari segala sifat kelemahan dan kekurangan yang tidak layak dengan keagungannya. Berikut merupakan jumlah kekerapan dan peratusan berkenaan penilaian tahap kefahaman mengenai keimanan kepada Allah SWT dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL K.L:

Jadual 1.12 Keimanan Kepada Allah SWT

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
C11	Allah SWT adalah Tuhan Yang Mencipta, Berkuasa, Memiliki dan Mentadbir Seluruh Alam Semesta.	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	40 (15.7)	214 (84.3)	4.84	.365

Berdasarkan jadual 1.12 menunjukkan kesemua responden sangat setuju dan setuju bahawa Allah SWT adalah tuhan yang mencipta, berkuasa, memiliki dan mentadbir seluruh alam semesta. Seterusnya kesemua responden sangat setuju serta meyakini bahawa Allah SWT maha melihat, mendengar dan maha mengetahui segala perbuatan makhluk-makhluknya sama ada secara sembunyi atau nyata.

Namun begitu, hakikat sebenar keimanan seseorang hanya diketahui oleh Allah SWT, kerana iman bermula dari iktikad keyakinan dan kepercayaan dalam hati sanubari seseorang individu, kemudian dengan lidah dan perbuatannya.

Jadual 1.13 Beriman Kepada Hari kiamat

No	Pernyataan	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP
C19	Seluruh manusia akan dihimpunkan pada hari kiamat untuk menerima balasan masing-masing.	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (0.4)	49 (19.3)	204 (80.3)	4.80	.411

Berdasarkan hasil tinjauan yang dilakukan terhadap responden di PULAPOL KL, pengkaji mendapati seramai 49 (19.3%) orang bersetuju, dan 204 (80.3%) orang sangat setuju dengan memahami dan meyakini akan adanya hari kiamat sebagai tempat seluruh manusia akan berkumpul untuk menerima balasan amalan masing-masing yang telah dilakukan semasa di dunia. Namun begitu terdapat 1 (0.4%) orang yang menyatakan kurang pasti akan peristiwa yang berlaku pada hari kiamat.

Selain daripada itu, seramai 47 (18.5%) orang bersetuju, dan 205 (80.7%) orang sangat setuju dengan memahami dan meyakini bahawa ganjaran syurga merupakan balasan bagi mereka yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, manakala balasan buruk iaitu azab api neraka disediakan bagi mereka yang kufur dan ingkar di akhirat kelak. Namun begitu, terdapat 2 (0.8%) orang yang menyatakan jawapan kurang pasti.

Hasil tinjauan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan keyakinan warga kerja PDRM di PULAPOL KL berkaitan hari kiamat adalah sangat tinggi, namun masih terdapat segelintir kecil yang masih belum mampu memahaminya. Kewajipan yang perlu difahami dan diyakini oleh setiap muslim yang *mukallaf* adalah beriman kepada hari kiamat tanpa sebarang keraguan. Seseorang individu muslim yang tidak mempercayai akan adanya hari kiamat akan menyebabkan imannya tertolak dan terbatal. Ini kerana meragui serta tidak mempercayai akan adanya hari kiamat merupakan sifat orang-orang yang kafir.

Antara ciri-ciri mereka yang kufur adalah mereka sentiasa mengingkari akan adanya hari kiamat atau hari pembalasan. Mereka beranggapan bahawa hari perhitungan dan pertemuan dengan Allah SWT adalah sesuatu peristiwa yang tidak benar. Perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT (al-Quran, *al-Taghabun* : 7) :

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّيُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَلِكُمْ عَلَىٰ اللَّهِ يَسِيرٌ

Maksudnya: (Di antara sebab-sebab kufur) orang-orang yang kafir (ialah kerana mereka) mengatakan bahawa mereka tidak sekali-kali akan di bangkitkan (sesudah mati). Katakanlah: "Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan, kemudian kamu akan diberitahu tentang segala yang kamu telah kerjakan. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya.

Jadual 1.14 Keseluruhan Tahap Pelaksanaan Akidah Dan Ibadah

Skor	Tahap	Kekerapan	Peratus	Min	SP
0 - 3	Rendah	2	0.8		
4 - 7	Sederhana	58	22.8	8.77	1.718
8 - 11	Tinggi	194	76.4		
Jumlah		254	100.0		

Berdasarkan ringkasan dapatan di atas menunjukkan bahawa skor bagi pelaksanaan amalan Fardu ain dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat segelintir warga kerja PDRM yang kurang mengamalkan Fardu ain dan berada pada tahap sederhana. Manakala sekitar 0.8% warga kerja PDRM tidak mengamalkan Fardu ain.

Secara keseluruhannya menunjukkan skor tahap kefahaman pula terhadap amalan Fardu Ain mengenai Akidah dan Ibadah (min = 4.76, SP = 0.275) dalam kalangan warga kerja PDRM di PULAPOL KL adalah berada pada tahap yang sangat tinggi.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan terhadap amalan Fardu Ain mengenai Akidah dan Ibadah dalam kalangan warga kerja PULAPOL KL adalah berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Manakala tahap kefahaman dan penghayatan terhadap amalan Fardu Ain mengenai Akidah dan Ibadah dalam kalangan warga kerja PULAPOL KL pula adalah berada pada tahap yang sangat tinggi. Namun begitu, pemerkasaan kefahaman dan penghayatan terhadap ilmu Fardu ain perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Penerapan kefahaman Islam terhadap seluruh warga kerja PDRM perlu disebarkan kepada seluruh jabatan di dalam PDRM bermula dari peringkat atasan sehingga ke peringkat bawahan. Peranan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard serta Unit Agama dan Kaunseling PDRM perlu dipertingkatkan penglibatan mereka dalam membentuk kualiti keperibadian setiap individu warga kerja PDRM dalam mengekalkan kualiti integriti PDRM supaya kekal relevan sebagai pasukan terulung di Malaysia.

RUJUKAN

- Akta Polis Syeksyen (3) 1967. *Akta 344*. PDRM.
- Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2017). Konsep integriti dalam organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM): Satu tinjauan awal. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8).
- Aziz Abdullah & Bahyah Abd Halim. (2020). Isu dan cabaran dalam pengurusan latihan di Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Besut: Issue and Challenges in Training Management in Islamic Training Institute. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(2), 1-12.
- al-Bakri, Zulkifli. 2013. *Mustalahat Fiqhiyyah di Sisi Imam Al-Syafie dan Mazhabnya*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Ibrahimi, Muhammad bin Basyir. (1997). *Al-Asar*. Al-Jazair. Dar Al-Ghrab Islami: 33-32
- Ibn Manẓur, Jamal al-Din Abu al-Fadl Muhammad bin Mukarram. t.th. *Lisan al-Arab*. 20 Juz. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif
- Jamil, Zainu. 2005. *Mukhtasar Al-Akidah Al-Islamiyah Min Al-Kitab Wa Al-Sunnah Al-Sahihah*. Makkah: Saudi Arabia
- al-Jurdāni, Said Muhammad Abdullah. 1997. *Fath al-a'lam*. Beirut, Lubnan: Darul Ibn Hazam
- (JIPS), Laporan Taklimat Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard. 2019. *Sesi Select Committee Bersama PDRM*. Bukit Aman, Kuala Lumpur: 11 September.
- (JIPS), Laporan Taklimat Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard. 2019. *Sesi Select Committee Bersama PDRM*. Bukit Aman, Kuala Lumpur: 11 September.
- Mustafa Al-Bugha, Mustafa al-Khin & Ali Al-Syarbaji. 2013. *Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Terj. Zulkifli Al-Bakri & Rakan-rakan. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 7 April 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016
- Polis Diraja Malaysia. 2013. *Inspirasi Kepimpinan Polis Diraja Malaysia Teras Integriti Pasukan*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM 2020). *Pelan Integriti Polis Diraja Malaysia 2016-2020*. Bukit Aman; Kuala Lumpur. Institut Integriti Malaysia.
- Polis Diraja Malaysia (PDRM 2020). *Pelan Integriti Polis Diraja Malaysia 2016-2020*. Bukit Aman; Kuala Lumpur. Institut Integriti Malaysia.
- al-Quḍah, Nūḥ Alī Salmān. 1999. *Al-Mukhtaṣar al-Mufīd Fī Sharḥ Jawharat al-Tawḥīd*. Al-Urdūn: Dār al-Rāzī.
- al-Syathri (2016). *Mukhtasar Fi Tafsir Al-Quran Al-Karim*. Riyad, Saudi: Markaz Tafsir al-Quran Darisat al-Quraniah,
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an (30 Juz)*. (T.th). Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir (Dengan izin dan bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Zamri Yahya. 2019. Integriti Polis Diraja Malaysia: Fokus Strategi Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard. *Jurnal Integriti*, BAKA Bukit Aman: Kuala Lumpur.